

05/04/1998

3 Exco Melaka tewas

Norazmi Abdul Talib

MELAKA: Segala teka-teki berhubung kepemimpinan lima bahagian Umno di Melaka sudah terjawab selepas semuanya selesai mengadakan persidangan perwakilan masing-masing, bulan lalu.

Namun, kini timbul persoalan apakah berlaku rombakan dalam barisan Badan Perhubungan Umno negeri dan ahli Majlis Mesyuarat (Exco) kerajaan negeri? Ini berikutan kekalahan tiga ahli Exco Melaka dalam pertandingan merebut jawatan peringkat bahagian masing-masing.

Cuma dua ketua bahagian mengekalkan jawatan tanpa bertanding iaitu Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin (Jasin) dan Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Mohd Ali Rustam (Batu Berendam).

Abu Zahar adalah Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri manakala Mohd Ali timbalan pengerusi.

Muka baru yang dipilih ialah Ahli Parlimen Alor Gajah, Datuk Abu Seman Yusop (Alor Gajah); Timbalan Pengerusi Perbadanan Air Melaka, Datuk Amid Nordin (Kota Melaka); dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) kawasan Rembia, Datuk Hamdin Abdollah (Selandar).

Sementara itu, tiga Exco yang tewas ialah Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Hal Ehwal Islam, Datuk Mohd Shariff Mohd Drus; Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Belia dan Sukan negeri, Datuk Nordin Yaani serta Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya serta Kemudahan Awam negeri, Datuk Yasin Sarip.

Keputusan itu menimbulkan teka-teki baru apakah barisan Exco negeri akan dirombak?

Bagaimana pula dengan jawatan Setiausaha Perhubungan Umno negeri yang dipegang Mohd Sharif serta ketua penerangan yang disandang Speaker Dewan Undangan Undangan Negeri, Datuk Nasir Manaf yang tidak mempertahankan jawatan Ketua Umno Bahagian Kota Melaka.

Mengulas perkara itu, Abu Zahar berkata, beliau perlu mendapatkan pandangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahahtir Mohamad, terlebih sebelum membuat keputusan.

Bagaimanapun, yang pasti Badan Perhubungan Umno Melaka akan mempunyai muka baru kerana tiga ketua bahagian yang baru secara automatik menganggotai badan itu mengikut fasal 10.2.6 Perlembagaan Umno.

Persoalannya, apakah Abu Zahar akan mengekalkan barisan Exco sehingga pilihan raya umum akan datang atau mengikut gaya kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengekalkan beberapa menteri meskipun tidak menjadi Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno?